A

Muhammad Nazir bin Jamaludin lwn Pendakwa Raya

B

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO K-05–20 TAHUN 2007
ZALEHA ZAHARI, ABU SAMAH DAN MOHD HISHAMUDIN HHMR
10 AUGUST 2009

C

Keterangan — Dengar cakap — Keterangan dengar cakap tidak boleh diterima — Tuduhan pengedaran dadah — Sama ada pisau yang dijumpai digunakan oleh tertuduh untuk memotong dadah — Pegawai polis yang menjumpai pisau tidak dipanggil untuk memberi keterangan — Keterangan mengenai pisau diberikan oleh pegawai polis lain — Sama ada keterangan boleh diterima

D

Undang-Undang Jenayah — Akta Dadah Berbahaya 1952 — s 39B(1)(a) — Pengedaran dadah berbahaya — Kanabis seberat 1164.4g — Rayuan terhadap sabitan — Dadah dijumpai dalam beg yang dijumpai di tempat yang boleh diakses oleh orang lain — Sama ada jagaan dan kawalan eksklusif dadah oleh tertuduh terbukti — Sama ada anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(vi) boleh digunapakai — Sama ada kes prima facie dibuktikan

E

F

Perayu telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu cannabis, seberat 1,164.4g di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Hakim Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') telah mendapati bahawa perayu gagal mematahkan anggapan mengedar dadah di bawah s 37(da)(vi) ADB ADB di atas imbangan kebarangkalian. Mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan oleh itu telah menyabitkan perayu dengan kesalahan tersebut dan menjatuhkan hukuman mati. Cif Inspektor Mohamad Fazil ('SP4') telah memberi keterangan bahawa pada 4 April 2002, jam 3 pagi, beliau bersama dengan anggota pasukannya telah memasuki sebuah rumah yang tidak berkunci di mana mereka telah menjumpai perayu. SP4 memperkenalkan dirinya sebagai polis dan bertanya kepada perayu sama ada dia ada menyimpan apa-apa dadah. Perayu telah menyerahkan kepada SP4 satu ketulan kecil mampat dadah yang disyaki ganja dari seluarnya. Perayu juga mengambil satu beg di atas almari di sebelahnya dan menyerahkannya kepada SP4. Beg tersebut juga mengandungi ganja. Menurut SP4, sebilah pisau yang mempunyai bekas-bekas dadah terlekat padanya telah dijumpai di bawah katil oleh seorang anggota pasukannya, tetapi SP4 tidak menyatakan siapakah anggota itu. Semasa pemeriksaan tiada penghuni lain di rumah tersebut. SP4 bersetuju bahawa pintu rumah tidak berkunci dan sesiapa sahaja boleh masuk. SP4 juga setuju bahawa tidak ada pakaian perayu yang lain dijumpai.

G

H

I

Keterangan SP6 (bapa perayu dan pemilik rumah di mana dadah tersebut dijumpai) menunjukkan bahawa anak-anak beliau yang lain bebas keluar masuk ke rumah tersebut pada waktu siang. SP6 juga ada balik ke rumah tersebut dan berniaga di gerai di hadapan rumah. Orang lain juga ada masuk ke rumah tersebut, kadang-kadang untuk sembahyang. Perayu telah merayu terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi atas alasan bahawa hakim bicara telah salah dari segi undang-undang dan fakta apabila: (i) memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan milikan sebenar sedangkan tidak ada keterangan bahawa dadah tersebut adalah di dalam kawalan atau jagaan eksklusif perayu; (ii) gagal mengambilkira bahawa orang lain mempunyai akses ke rumah di mana dadah tersebut dijumpai; dan (iii) membuat penemuan 'perverse' bahawa perayu telah menggunakan pisau untuk memotong dadah tersebut sedangkan tidak ada keterangan mengenainya dan untuk mengaitkan pisau tersebut dengan perayu.

Diputuskan, membenarkan rayuan perayu:

(1) Tidak ada keterangan bahawa keseluruhan dadah seberat 1,164.4g yang merupakan pertuduhan terhadap perayu adalah di dalam jagaan atau kawalan eksklusif perayu. Dadah yang dijumpai dari seluar yang dipakai oleh perayu hanyalah satu ketulan mampat yang kecil sahaja. Yang lain adalah dijumpai dari dalam beg yang terletak di atas almari dan diserahkan oleh perayu kepada SP4 (lihat perenggan 14).

(2) Fakta bahawa orang-orang lain juga mempunyai akses dan menggunakan bahagian atas rumah tersebut tidak diambil kira sepenuhnya atau secara objektif oleh hakim bicara. Sekiranya keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan diambil kira dan dinilai secara objektif, tidak ada keterangan bahawa beg di atas almari yang mengandungi sebahagian besar dadah yang menjadi subjek di dalam pertuduhan, adalah di bawah jagaan atau kawalan eksklusif perayu memandangkan orang lain juga mempunyai akses ke tingkat atas rumah tersebut. Oleh kerana ia bukan di bawah jagaan dan kawalan eksklusif perayu, anggapan mengedar dadah di bawah s 37(da)(vi) ADB tidak boleh digunapakai (lihat perenggan 17).

(3) Inferens yang dibuat oleh hakim bicara bahawa pisau tersebut dijumpai di bawah katil dan digunakan oleh perayu untuk memotong dadah adalah tidak disokong oleh sebarang keterangan. Juga tidak ada keterangan untuk mengaitkan pisau tersebut dengan perayu. Pisau tersebut dijumpai di bawah katil. Koperal Rashid yang menyerahkan pisau tersebut kepada SP4 tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Oleh itu keterangan SP4 bahawa pisau tersebut dijumpai di bawah katil adalah satu keterangan dengar cakap sahaja. Juga tidak ada keterangan siapakah yang menggunakan katil, di mana pisau tersebut dijumpai. Inferens yang dibuat oleh hakim bicara dengan mengaitkan pisau

tersebut dengan perayu adalah merupakan satu salah arahan yang serius dan amat memprejudiskan perayu (lihat perenggan 18).

(4) Pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu dan beliau tidak sepatutnya dipanggil untuk membela diri (lihat perenggan 22).

[English summary

The appellant had been charged with trafficking dangerous drugs ie cannabis, weighing 1,164.4g under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). The High Court judge ('trial judge') found the appellant had failed to rebut the presumption of trafficking drugs under s 37(da)(vi) of the DDA on the balance of probabilities. The court found that the prosecution had proved its case beyond reasonable doubt and thus convicted the appellant with the offence and sentenced him to death. One Chief Inspector Mohamad Fazil ('SP4') had testified that on 4 April 2002, at 3am, he together with his police party entered an unlocked house where they found the appellant. SP4 introduced himself as the police and asked if the appellant had in his possession any drugs. The appellant had handed to SP4 a small compressed slab of drugs suspected to be cannabis from his trousers. The appellant had also taken out a bag from above the cupboard next to him and gave it to SP4. The bag also contained cannabis. According to SP4, a knife which had traces of drugs stuck to it had been found under the bed by one of his team members, but SP4 did not state who was the member. During the inspection, there were no other occupiers in the house. SP4 agreed that the door of the house was not locked and anyone could enter. SP4 also agreed that there were no other clothes belonging to the appellant that was found. The testimony of SP6 (the appellant's father and the owner of the house where the drugs were found) showed that his other children were free to come and go out of the house during the day. SP6 also comes back to the house and ran his business at a stall in front of the house. There were other people who enter the house, sometimes to perform prayers. The appellant appealed against the decision of the trial judge on the ground that the trial judge had erred in law and in fact when: (i) decided that the prosecution had proved the actual possession when there was no evidence that the drugs were in the appellant's exclusive control or custody; (ii) failed to take into account that others had access to the house where the drugs were found; and (iii) had made perverse finding that the appellant had used the knife to cut the drugs when there was not evidence on it and to relate the knife to the appellant.

Held, allowing the appellant's appeal:

(1) There was no evidence that the total drugs weighing 1,164.4g which was the charge against the appellant was in the exclusive control or custody of the appellant. The drugs which were found in the trousers worn by the

appellant were only small compressed slabs. The others were found from inside of the bag kept on the cupboard and handed by the appellant to SP4 (see para 14). A

(2) The facts that others also had access and used the upper part of the house were not considered in totality or objectively by the trial judge. If all the evidence of the prosecution's witnesses were considered and evaluated objectively, there was no evidence that the bag on the cupboard which contained a big amount of drugs which were the subject matter in the charge were under the exclusive control or custody of the appellant in view of the fact that others had access to the upper part of the house. As it was not under the exclusive control and custody of the appellant, the presumption of trafficking of drugs under s 37(da)(vi) of the DDA was not applicable (see para 17). B C

(3) The inference made by the trial judge that the knife found under the bed and used by the appellant to cut drugs was not supported by any evidence. Also there was no evidence to relate the knife with the appellant. The knife was found under the bed. Corporal Rashid who had given the knife to SP4 was not called to testify. Thus SP4's testimony that the knife was found under the bed was a mere hearsay. Also there was no evidence who had used the bed, where the knife was found. The inference made by the trial judge which related the knife with the appellant was a serious misdirection and prejudiced the accused (see para 18). D E

(4) The prosecution had failed to prove a prima facie case against the appellant had he should not have been called to enter his defence (see para 22).] F

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai keterangan dengar cakap tidak boleh diterima, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2010 Reissue) perenggan 1754–1755. G

Untuk kes-kes mengenai s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 320–446.

Kes-kes yang dirujuk

Gooi Loo Seng v PP [1993] 2 MLJ 137; [1993] 2 AMR 1135, MA (dirujuk) H

Lee Chee Meng v PP [1992] 1 MLJ 322; [1992] 1 CLJ 345, MA (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da)(vi), 39B(1)(a), (2)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah Bil 45–26 Tahun 2004 (Mahkamah Tinggi, Alor Star) I

R Palaniappan (Palani) bagi pihak perayu.
Munahyza bt Mustafa (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Abu Samah HMR:

[1] Perayu telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu kanabis, seberat 1,164.4g di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta tersebut. Pertuduhan terhadapnya adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 4hb April, 2002 jam lebih kurang 3.00 pagi, di dalam rumah tidak bernombor di Kampong Masjid Sungai Ilir, di dalam Daerah Bandar Bharu, di dalam Negeri Kedah Darul Aman telah didapati memperedarkan dadah berbahaya iaitu cannabis seberat 1164.4 gram. Oleh itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39(B)(2) Akta yang sama.

[2] Pada akhir kes pendakwaan, Mahkamah Tinggi Alor Star mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu dan memerintahkannya untuk membela diri. Perayu memberi keterangan bersumpah. Pada akhir kes pembelaan, mahkamah mendapati pembelaan beliau adalah penafian semata-mata, dan tidak menimbulkan keraguan bahawa dadah tersebut adalah di dalam milikannya. Perayu juga gagal mematahkan anggapan mengedar dadah di bawah s 37(da)(vi) ADB di atas imbangan kebarangkalian. Mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah dan menyabitkan perayu dengan kesalahan tersebut dan menjatuhkan hukuman mati di bawah s 39B(2) ADB.

[3] Ini adalah rayuan perayu terhadap keputusan tersebut. Perayu memberikan 14 alasan di dalam petisyen rayuannya. Setelah meneliti alasan-alasan tersebut, adalah didapati kebanyakannya tidak mempunyai merit kecuali alasan-alasan berikut yang memerlukan pertimbangan seterusnya, iaitu, Yang Arif hakim bicara adalah salah dari segi undang-undang dan fakta:

(a) memanggil beliau untuk membela diri;

(b) memutuskan pihak pendakwaan telah membuktikan milikan sebenar sedangkan tidak ada keterangan bahawa dadah tersebut adalah di dalam kawalan atau jagaan eksklusif perayu;

(c) apabila gagal mengambilkira bahawa orang lain mempunyai akses ke rumah di mana dadah tersebut dijumpai; dan

(d) apabila membuat penemuan 'perverse' bahawa perayu telah menggunakan pisau untuk memotong dadah tersebut sedangkan tidak ada keterangan mengenainya dan untuk mengaitkan pisau tersebut dengan perayu.

[4] Untuk memahami alasan-alasan rayuan tersebut di atas dan sama ada Yang Arif hakim telah membuat penilaian yang maksimum ke atas keterangan kes pendakwaan, kita perlu melihat semula kepada keterangan kes pendakwaan.

KES PENDAKWAAN

[5] Pihak pendakwaan telah memanggil enam orang saksi. Keterangan mengenai penemuan dadah tersebut yang membawa kepada penangkapan perayu adalah semata-mata bergantung kepada keterangan Cif Inspektor Mohamad Fazil bin Ahli ('SP4') walaupun bilangan anggota polis yang terlibat dalam serbuan adalah sepuluh orang (tidak termasuk SP4). Saksi-saksi lain yang memberi keterangan ialah SP1 (jurufoto), SP2 (penyelia stor), SP3 (ahli kimia), SP5 (pegawai penyiasat) dan SP6, bapa perayu dan pemilik rumah di mana dadah tersebut dijumpai. Mereka ini tidak ada di tempat kejadian semasa perayu ditangkap bersama dengan dadah tersebut. SP3 dipanggil untuk memberi keterangan mengenai berat dan jenis dadah berbahaya. SP5 pergi ke tempat kejadian dua hari kemudian, iaitu, pada 6 April 2002, untuk menjalankan siasatan dan membuat rajah kasar (eksh P17 dan eksh P17K).

[6] Keterangan SP4 adalah seperti berikut. Pada 4 April 2002, jam 3 pagi, beliau bersama dengan anggota pasukannya telah membuat serbuan di sebuah rumah tidak bernombor, di Kampong Masjid Sungai Ilir, Daerah Bandar Bharu, Kedah. Rumah ini ialah sebuah rumah papan dua tingkat, separuh batu. Pada mulanya, dia telah memberi salam dan mengetuk pintu rumah. Apabila tidak ada respons, dia telah menolak pintu rumah dan mendapatinya tidak berkunci. SP4 bersama dengan Cif Inspektor Zailani, D/Kpl Saari dan D/Kpl Jamaludin terus masuk ke dalam rumah dan naik ke tingkat atas. Semasa berada di tangga untuk masuk ke tingkat atas, SP4 mendapati lampu telah dibuka dan dia melihat penghuninya, iaitu perayu, berada di tepi sebuah almari sedang memakai seluar jean pendek.

[7] SP4 memperkenalkan dirinya sebagai polis dan bertanya kepada perayu sama ada dia ada menyimpan apa-apa dadah. Perayu terus menyerahkan kepadanya satu ketulan kecil mampat dadah yang disyaki ganja dari seluarnya. SP4 seterusnya bertanya sama ada perayu ada menyimpan apa-apa dadah lagi. Perayu kemudian mengambil satu beg di atas almari di sebelahnya dan menyerahkannya kepada SP4. SP4 telah membuka beg tersebut di hadapan

perayu, Cif Inspektor Zailani, D/Kpl Saari dan D/Kpl Jamaludin. SP4 mendapati di dalam beg tersebut ada:

(a) satu plastik hitam yang mengandungi tiga ketulan mampat;

(b) satu plastik warna merah jambu yang mengandungi 166 paket plastik lutsinar; dan

(c) satu plastik warna biru yang mengandungi sepuluh paket plastik.

[8] Mengikut SP4, anggota-anggota yang lain juga naik ke tingkat atas ketika beliau membuat pemeriksaan di bahagian atas. Mereka adalah Kpl Rashid, D/L/Kpl Azizan dan Konst (W) Haziana. Hasil dari pemeriksaan tersebut, Kpl Rashid telah menyerahkan kepadanya satu kotak dan apabila SP4 membukanya, dia mendapati ada sebilah pisau yang mempunyai bekas-bekas dadah terlekat pada pisau tersebut. Mengikut SP4, pisau tersebut dijumpai di bawah katil oleh seorang anggota, tetapi SP4 tidak menyatakan siapakah anggota itu dan sama ada beliau sendiri melihat anggota itu menjumpai pisau itu di bawah katil. Semasa pemeriksaan tiada penghuni lain di rumah tersebut.

[9] Kpl Rashid, Cif Inspektor Zailani, D/Kpl Saari dan D/Kpl Jamaludin tidak dipanggil memberi keterangan. Oleh itu tidak ada keterangan siapa sebenarnya yang menjumpai kotak yang mengandungi pisau tersebut dan dari bawah katil yang mana satu kerana terdapat dua katil di tingkat atas.

[10] Semasa pemeriksaan balas, SP4 bersetuju bahawa pintu rumah adalah tidak berkunci dan sesiapa sahaja boleh masuk. SP4 juga setuju bahawa tidak ada pakaian perayu yang lain dijumpai. Gambar (eksh P4) menunjukkan ada baju-baju dan pakaian lain di tingkat atas. Tetapi apabila dicadangkan bahawa perayu bukan penghuni tetap rumah tersebut SP4 menjawab, 'Tak Setuju'.

[11] SP5, iaitu pegawai penyiasat, mengesahkan bahawa pemilik rumah tersebut adalah bapa perayu. Di tingkat atas ada dua katil tidur. Di dalam almari ada pakaian. Tetapi dia tidak menyiasat katil digunakan oleh siapa dan pakaian tersebut kepunyaan siapa. Apabila dicadangkan bahawa lebih dari satu orang penghuni rumah tersebut memandangkan ada dua katil dan pakaian di dalam almari, SP5 menjawab, 'Tak Setuju'. Mengikut SP5 terdapat rumah-rumah jiran di sekeliling rumah tersebut, dan dekat rumah itu juga ada gerai makanan.

[12] Bapa perayu (SP6) telah dipanggil sebagai saksi pihak pendakwaan. SP6 mempunyai empat orang anak. Dia mengesahkan rumah tersebut adalah miliknya. Dia menjalankan perniagaan di gerai di hadapan rumahnya dari pukul 3 petang hingga malam. Semasa berniaga, rumahnya memang tidak berkunci dan orang ada masuk ke rumahnya semasa dia berniaga,

kadang-kadang untuk sembahyang. SP6 mengesahkan bahawa perayu tinggal di tingkat atas. Waktu malam perayu tinggal seorang manakala beliau dan anak-anak yang lain tinggal di sebuah rumah lain, di belakang rumah tersebut. Tetapi waktu berniaga siang, SP6 dan anak-anaknya yang lain ada balik ke rumah tersebut dan 'anak-anak bebas keluar masuk rumah ini di waktu siang'.

[13] Pada akhir kes pendakwaan Mahkamah Tinggi mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie. Perenggan 18 dan 20 alasan penghakiman hakim bicara adalah seperti berikut:

> Perenggan 18
>
> Berdasarkan fakta kes, saya berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan bahawa dadah tersebut berada di bawah kawalan dan jagaan tertuduh dan tertuduh mengetahui bahawa barang tersebut adalah dadah jenis kanabis... Di samping itu sebilah pisau yang mempunyai kesan kanabis juga dijumpai di tempat tersebut. Ini menunjukkan pisau itu telah digunakan untuk memotong dadah tersebut. Cuma tertuduh seorang sahaja berada di tempat tersebut. Oleh itu inferens yang boleh dibuat ialah tertuduh yang memotong dadah jenis kanabis itu.
>
> Perenggan 20
>
> Unsur ketiga iaitu mengedar dadah tersebut boleh dibuktikan dengan bergantung kepada anggapan di bawah s 37(da)(vi) Akta Dadah Berbahaya 1952. Dalam kes ini berat dadah yang dirampas di tempat kejadian ialah 1164.4g, oleh itu anggapan tersebut adalah terpakai terhadap tertuduh.

[14] Setelah meneliti keterangan kes bagi pihak pendakwaan dan mendengar hujah kedua-dua pihak, adalah jelas bahawa tidak ada keterangan bahawa keseluruhan dadah seberat 1,164.4g yang merupakan pertuduhan terhadap perayu adalah di dalam jagaan atau kawalan eksklusif perayu. Dadah yang dijumpai dari seluar yang dipakai oleh perayu hanyalah satu ketulan mampat yang kecil sahaja. Yang lain adalah dijumpai dari dalam beg yang terletak di atas almari dan diserahkan oleh perayu kepada SP4. Berat bersih dadah di dalam beg tersebut mengikut laporan kimia yang disediakan oleh SP3 adalah seperti berikut:

(a)	dari dalam beg plastik hitam	830.7g
(b)	dari dalam 166 paket	297.9g
(c)	dari dalam 10 paket	18.5g
		=======
	Jumlah	1147.1g
		=======

Oleh itu berat bersih dadah yang dijumpai dari dalam seluar perayu, setelah dianalisa oleh SP3 adalah terlalu kecil, iaitu 17.3g sahaja berbanding dengan berat bersih dadah yang diambil dari beg di atas almari.

[15] Persoalannya ialah adakah beg di atas almari yang mengandungi sebahagian besar dadah tersebut di bawah jagaan atau kawalan eksklusif perayu? Keterangan saksi pihak pendakwaan sendiri, iaitu, bapa perayu (SP6) jelas menunjukkan bahawa anak-anak beliau yang lain bebas keluar masuk ke rumah tersebut pada waktu siang. SP6 juga ada balik ke rumah tersebut dan berniaga di gerai di hadapan rumah. Orang lain juga ada masuk ke rumah tersebut, kadang-kadang untuk sembahyang.

[16] SP4 sendiri mengaku bahawa pintu rumah tersebut tidak berkunci dan dia tidak menjumpai lain-lain pakaian perayu di tingkat atas. SP5 mengesahkan ada dua katil tidur di tingkat atas. Juga ada pakaian di dalam almari. Dari gambar yang diambil oleh SP1, pakaian juga boleh dilihat digantung di tingkat atas, di luar almari. Ini jelas menunjukkan bahawa ada orang lain yang mempunyai akses dan menggunakan tingkat atas tersebut.

[17] Fakta bahawa orang-orang lain juga mempunyai akses dan menggunakan bahagian atas rumah tersebut tidak diambil kira sepenuhnya atau secara objektif oleh Yang Arif hakim bicara. Sekiranya keseluruhan keterangan saksi-saksi pendakwaan diambil kira dan dinilai secara objektif, kita akan mendapati tidak ada keterangan bahawa beg di atas almari yang mengandungi sebahagian besar dadah yang menjadi subjek di dalam pertuduhan, adalah di bawah jagaan atau kawalan eksklusif perayu memandangkan orang lain juga mempunyai akses ke tingkat atas rumah tersebut. Oleh kerana ia bukan di bawah jagaan dan kawalan eksklusif perayu, anggapan mengedar dadah di bawah s 37(da)(vi) ADB tidak boleh digunapakai.

[18] Inferens yang dibuat oleh Yang Arif hakim bicara bahawa pisau tersebut dijumpai di bawah katil dan digunakan oleh perayu untuk memotong dadah adalah tidak disokong oleh sebarang keterangan. Juga tidak ada keterangan untuk mengaitkan pisau tersebut dengan perayu. Pisau tersebut dijumpai di bawah katil. Kpl Rashid yang menyerahkan pisau tersebut kepada SP4 tidak dipanggil untuk memberi keterangan. Oleh itu keterangan SP4 bahawa pisau tersebut dijumpai di bawah katil adalah satu keterangan dengar cakap sahaja. Juga tidak ada keterangan siapakah yang menggunakan katil, di mana pisau tersebut dijumpai. Inferens yang dibuat oleh hakim bicara dengan mengaitkan pisau tersebut dengan perayu adalah merupakan satu salah arahan yang serius dan amat memprejudiskan perayu.

[19] Di dalam kes *Lee Chee Meng v Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 322; [1992] 1 CLJ 345 perayu telah didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi kerana mengedar dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) ADB. Beliau merayu kepada Mahkamah Agung (pada ketika itu). Mahkamah Agung telah

membenarkan rayuannya, mengenepikan sabitan ke atasnya dan membebaskannya. Hakim Yeop Sani CJ, pada ms 326 (MLJ) dan ms 347 (CLJ) menyatakan:

> In fact, the doubt as to exclusive use of room B by the appellant above could be sufficient ground to allow the appeal.

[20] Di dalam kes *Gooi Loo Seng v Public Prosecutor* [1993] 2 MLJ 137; [1993] 2 AMR 1135, perayu telah dituduh mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) ADB. Dia didapati bersalah oleh Mahkamah Tinggi. Beliau merayu kepada Mahkamah Agung. Mengikut fakta kes, dadah tersebut dijumpai di dalam almari di dalam bilik di sebuah rumah dua tingkat. Bilik tersebut digunakan oleh perayu dan teman wanitanya. Mahkamah Agung telah membenarkan rayuannya, mengenepikan sabitan dan membebaskannya. Edgar Joseph SCJ, di dalam penghakimannya menyatakan:

> We need hardly add, that even if the appellant had known of the presence of the heroin in his bedroom, that by itself would not have been sufficient to establish that he was in possession or in control of it given the fact that others too and certainly his girlfriend Tan Ah Kwai, had access to the bedroom and could have concealed the heroin there. At the end of the day, this was a case of the proverbial cap which might have fitted not just the head of the appellant but that of others as well.
>
> Clearly, therefore, the trial judge, was bound to but did not view the whole of the evidence objectively and from all angles, with the result that the appellant had lost the chance which was fairly open to him of being acquitted. On this point, we consider that non-direction amounts to a misdirection.

[21] Keterangan saksi-saksi pihak pendakwaan di dalam rayuan ini juga menunjukkan bahawa orang lain mempunyai akses dan ada menggunakan tingkat atas rumah tersebut. SP6 ada menggunakan rumah tersebut; anak-anak beliau yang lain bebas keluar masuk rumah tersebut dan orang-orang lain juga ada akses ke rumah tersebut untuk bersembahyang.

[22] Oleh itu pihak pendakwaan sebenarnya gagal membuktikan satu kes prima facie terhadap perayu dan beliau tidak sepatutnya dipanggil untuk membela diri.

[23] Atas alasan-alasan tersebut di atas, rayuan oleh perayu adalah dibenarkan, sabitan dan hukuman ke atasnya diketepikan dan perayu hendaklah dilepaskan dan dibebaskan.

Rayuan dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum